



20 FEB, 2025

## THT waspada ancaman Matador

Harian Metro, Malaysia



# *THT waspada ancaman Matador*

Oleh Malik Muhamad  
sukan@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu:** Bia-  
rpu berjaya melakar ke-  
menangan dalam saingan  
Liga Hoki Malaysia (MHL),  
pemain Pasukan Hoki Te-  
rengganu (THT) tetap ber-  
waspada dengan ancaman  
Kelab Hoki Matador.

Peringatan itu diluah-  
kan pemain berpengalaman,  
Mohamad Sukri Abd-  
ul Mutualib apabila ke-  
dua-dua pasukan itu bakal  
bertembung pada aksi se-  
paruh akhir Piala TNB di  
Stadium Hoki Nasional 2  
Bukit Jalil, petang ini.

Jelas bekas kapten ke-  
bangsaan itu, dalam apa  
jua permainan, elemen ke-  
jutan sentiasa berlaku se-  
kiranya pemain mengambil  
mudah serta leka se-  
panjang perlawanan.

“Sejurnya kelab Mata-  
dor itu adalah sebuah pa-  
sukan kuat kerana ditaris  
pemain berpengalaman  
termasuk lapan pemain  
import iaitu tujuh dari Pa-  
kistan dan seorang dari In-  
dia, ia pasti bukan mudah  
buat mana-mana pasu-  
kan.

“Jadi sudah tentu kami  
perlu berwaspada dengan  
taktikal dan ancaman ke-  
lab itu biarpun kami per-  
nah menumpaskan pasu-  
kan itu 4-0 dalam saingan  
liga pada 8 Februari lalu.  
Pesanan saya buat rakan  
sepasukan agar tidak memandang sebelah mata se-  
baliknya perlu positif ter-  
masuk menekang gerak-  
an lawan bermula bahagian  
tengah lagi,” kata pem-  
ain berusia 39 tahun itu  
yang sudah empat musim  
menyarung jersi THT.



PEMAIN THT Muhammad Amirul Haniff (kanan) diasak penjaga gol Armed Forces HT Mohd Aliff Mohd Azman pada pusingan suku akhir Piala TNB.